



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	14/6/2021	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JP NEGERI PAHANG			

Kerajaan Pahang konsisten pulihara kelestarian

Kerajaan negeri dan Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) sentiasa konsisten ke arah memulihara dan memelihara kelestarian Tasik Chini, Pekan.

Berdasarkan laporan PPTC dikeluarkan semalam, Tasik Chini Rizab Biosfera (TCRB) di bawah Program 'Man and Biosphere UNESCO' diiktiraf pada Mei 2009 sebagai kawasan Rizab Biosfera pertama di Malaysia berlandaskan tiga teras utama.

"Tiga teras itu ialah pemuliharaan daripada aspek ekosistem, landskap, spesies dan kepelbagaian genetik; sokongan logistik, termasuk aktiviti penyelidikan, pemantauan dan pembelajaran serta pembangunan yang merujuk pembangunan ekonomi setempat dan pembangunan modal insan.

"Bagi menyokong dan menjayakan tiga teras utama ini, TCRB dibahagikan kepada tiga zon iaitu Zon Teras, Zon Penampakan dan Zon Peralihan yang mempunyai fungsi berbeza.

"Penubuhan PPTC adalah khusus untuk menjalankan penyelidikan, pengajaran, kerja lapangan, kesedaran alam sekitar dan penyebaran maklumat pengurusan tasik secara bersepadu," kata laporan itu.

Laporan itu menjelaskan kerajaan Pahang memperuntukkan tanah seluas 8.1 hektar di pinggir Tasik Chini yang dijadikan makmal alami bagi menjalankan penyelidikan dan pembelajaran selain membantu usaha pemuliharaan, pemeliharaan serta kelestarian Tasik Chini.

PPTC juga memaklumkan hubungan antara kerajaan Pahang dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan penubuhan PPTC sejajar keperluan pelaksanaan dasar yang terkandung di bawah Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050.

Katanya, ia juga termasuk dalam Rancangan Khas Kawasan Tasik Chini 2018 ke arah pembangunan mapan dan pemuliharaan Tasik Chini sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

"UKM melalui PPTC memberi komitmen tinggi kepada kerajaan Pahang dalam bentuk penyediaan kepakaran dan kewangan demi usaha pemuliharaan melalui penyediaan Pelan Pelaksanaan Strategik bersama-sama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang digunakan dalam Rancangan Khas Kawasan Tasik Chini.

"Selain itu, pembinaan stesen real-time monitoring ke atas kualiti air di sungai-sungai pembekal di Tasik Chini dapat membantu aspek pemantauan kualiti air dengan lebih berkesan," katanya.